

MINGGUAN KKKG

E-BULETIN KOLEJ KOMUNITI KUCHING



Pemantauan Latihan Industri Pelajar Tahun Akhir

10 APRIL - Unit Perhubungan Industri & Alumni melaksanakan penyeliaan dan penilaian latihan industri pelajar tahun akhir bagi sesi II 2022/2023, yang sedang menjalankan praktikal di agensi kerajaan dan syarikat seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Azrin Tailor, The Men's Shop Tailor, CT Design dan sebagainya.

Kursus dan Taklimat PRISS KKKG

12 APRIL - Ketua Unit Psikologi & Kaunseling, Puan Siong Ai Chen telah melatih enam orang ahli PRISS yang terdiri daripada pelajar Kolej.

Pelajar yang telah mendapat kemahiran asas kaunseling kemudiannya telah berjaya memberi taklimat bimbingan kepada ahli rakan inspirasi siswa siswi (PRISS) yang lain.



Program Sambutan Ihya Ramadhan KKKG

13 APRIL - Program Sambutan Ihya Ramadhan disambut dalam kesederhanaan sempena menghormati bulan yang mulia ini.

Pada sebelah petang nya pelajar kolej telah memberi sumbangan kepada pelanggan di sekitar stesen minyak Shell, Petra Jaya serta kepada pegawai akademik dan staff di KKKG.

Pihak PERYATIM juga turut menerima sumbangan yang diserahkan oleh pihak pelajar.

Program diteruskan dengan majlis berbuka puasa dan solat terawih. Pihak kolej turut menjemput Ustaz Abdul Aziz untuk menyampaikan ceramah.



Program World Quran Hour 2023 Peringkat KKKG



13 APRIL - World Quran Hour telah berlangsung secara serentak di seluruh Negara dengan konsep membaca Al-Quran, mendalami maksud, bertadabbur dan mengamalkannya.

Misi surah Al-Insan dibaca dan diperdengarkan sebagai sokongan meningkatkan usaha mendekatkan Al-Quran dalam kalangan umat Islam.

Program World Quran Hour kali ini mensasarkan objektif meraikan dan menyemarakkan semangat cintakan Al-Quran, meningkatkan dan melestarikan semangat berpasukan dalam membentuk jati diri insan al-Abrar serta mengeratkan ikatan silaturahim di kalangan pelajar dan staf Kolej Komuniti Kuching.

